3	Memainkan peranan sebagai anggota keluarga dalam membantu pesakit mendapatkan rawatan awal keracunan makanan.	1 2 3 4 5	
4	Lain-lain (sila nyatakan)	1 2 3 4 5	

### III. Strategi pengajaran yang sesuai

Modul ini dibangunkan bagi melatih pengamal pendidikan kesihatan/promosi kesihatan dalam menerapkan elemen pendidikan pencegahan keracunan makanan di kalangan pengguna yang makan atau membeli makanan di luar.

**Arahan:** Sila baca setiap pernyataan berikut dan bulatkan skala kesesuaian pada setiap pernyataan yang diberikan. Prof/Dr/Tuan/Puan digalakkan menambah item yang difikirkan perlu dan penting di dalam ruangan yang disediakan. Sila guna skala berikut :

1	2	3	4	5
Sangat tidak sesuai	Tidak sesuai	Agak sesuai	Sesuai	Sangat sesuai

Adakah kaedah/ strategi penyampaian tersebut **sesuai** bagi mendidik pencegahan keracunan makanan kepada pengguna?

No	Item	Skala	Komen/Cadangan
1	Sesi interaktif bersama pakar	1 2 3 4	Mohon rewrite word "interaktif"
2	Penggunaan aplikasi telefon pintar	1 2 3 4	
3	Simulasi- Mewakili keadaan sebenar dalam kehidupan kemahiran yang dipelajari melalui proses penemuan sendiri	1 2 3 4	Mohon rewrite ayat penerangan berkaitansimulasi..
5	Tunjuk cara/demonstrasi	1 2 3 4	
6	Lawatan ke premis makan	1 2 3 4	
7	Aktiviti berkumpulan	1 2 3 4	
8	Nota poket	1 2 3 4	
9	Lain-lain (sila nyatakan)	1 2 3 4	

#### IV. BAHAN PENGAJARAN

**Arahan:** Sila baca setiap pernyataan berikut dan bulatkan skala kesesuaian pada setiap pernyataan yang diberikan. Prof/Dr/Tuan/Puan digalakkan menambah item yang difikirkan perlu dan penting di dalam ruangan yang disediakan. Sila guna skala berikut :

1	2	3	4	5
Sangat tidak sesuai	Tidak sesuai	Agak sesuai	Sesuai	Sangat sesuai

Apakah bahan pengajaran yang sesuai bagi menyampaikan maklumat pencegahan keracunan makanan kepada pengguna?

No	Item	Skala	Komen/Cadangan
1	Bahan demonstrasi	1 2 3 4 <input checked="" type="checkbox"/>	
2	Bahan multimedia (power point)	1 2 3 4 <input checked="" type="checkbox"/>	
3	Keratan akhbar/kes	1 2 3 4 <input checked="" type="checkbox"/>	

4	Senarai semak digital di dalam aplikasi telefon pintar	1 2 3 4	<input checked="" type="checkbox"/>	
5	Lain-lain (sila nyatakan)	1 2 3 4	<input checked="" type="checkbox"/>	

## V. PENILAIAN

**Arahan:** Sila baca setiap pernyataan berikut dan bulatkan skala kesesuaian pada setiap pernyataan yang diberikan. Prof/Dr/Tuan/Puan digalakkan menambah item yang difikirkan perlu dan penting di dalam ruangan yang disediakan. Sila guna skala berikut :

<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
Sangat tidak sesuai	Tidak sesuai	Agak sesuai	Sesuai	Sangat sesuai

Apakah kaedah penilaian kefahaman yang sesuai bagi setiap skop pendidikan yang disampaikan kepada pengguna?

No	Item	Skala	Komen/Cadangan
1	Penilaian formatif menguji pemahaman setiap topik – kuiz, soal jawab, ujian bertulis	1 2 3 4 5	
2	Senarai semak	1 2 3 4 5	
3	Aktiviti dalam kumpulan	1 2 3 4 5	
4	Pembentangan	1 2 3 4 5	
5.	Lain –lain (Sila nyatakan)	1 2 3 4 5	

## BAHAGIAN C: SUSUN ATUR MODUL DAN PERUNTUKAN MASA

### I. Susun atur modul

Modul ini mengandungi empat skop iaitu: (1) Pengenalan kepada keracunan makanan, (2) Mendapatkan makanan yang selamat, (3) Menyampaikan aduan salah laku pengendalian makanan dan premis kotor dan (4) Mendapatkan rawatan akibat keracunan makanan.

Nyatakan kesesuaian susun atur modul mengikut skala yang berikut:

1	2	3	4	5
Sangat tidak sesuai	Tidak sesuai	Agak sesuai	Sesuai	Sangat sesuai

No	Item	Skala	Komen/Cadangan
1	Modul dimulakan dengan bahagian matlamat pembangunan dan tumpuan modul	1 2 3 4 5	Nyatakan susun atur skop modul..refer dari mana? Nyatakan?
2	Kumpulan sasar penggunaan modul disenaraikan beserta ciri-ciri fasilitator	1 2 3 4 5	
3	Modul dibahagikan kepada TIGA skop mengikut matlamat pembangunan modul	1 2 3 4 5	
4	<p>Susun atur skop modul</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pengetahuan /pengenalan keracunan makanan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pengenalan keracunan makanan</li> <li>b. Gejala dan komplikasi keracunan makanan</li> <li>c. Sumber pencemaran makanan</li> <li>d. Pencemaran pindah silang</li> </ul> </li> <li>ii. Mendapatkan makanan selamat</li> </ul>	1 2 3 4 5	

<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pengenalpastian makanan berisiko tinggi</li> <li>b. Pengecaman makanan rosak</li> <li>c. Penilaian premis makan bersih</li> <li>iii. Penyampaian aduan <ul style="list-style-type: none"> <li>a. penggunaan medium aduan bagi salahlaku pengendalian makanan dan premis kotor</li> </ul> </li> <li>iv. Mendapatkan rawatan akibat keracunan makanan</li> </ul>		
5 Strategi penyampaian bagi setiap aktiviti dalam sesebuah topik diterangkan dengan jelas	1 2 3 4 5	Mohon rewrite ayat
6. Sumber bahan pengajaran dimasukkan dalam setiap aktiviti modul	1 2 3 4 5	
7. Penilaian dimasukkan bagi setiap topik di dalam skop	1 2 3 4 5	
8. Lain-lain (sila nyatakan)	1 2 3 4 5	

### III. Peruntukan masa

Apakah pendapat Prof/Dr/Tuan/Puan terhadap kesesuaian **peruntukan masa** bagi setiap aktiviti di dalam skop modul?

1	2	3	4	5
Sangat tidak sesuai	Tidak sesuai	Agak sesuai	Sesuai	Sangat sesuai

No	Item	Skala	Komen/Cadangan
1	<b>SKOP 1: PENGENALAN KEPADA KERACUNAN MAKANAN</b> Aktiviti 1: Sesi interaksi bersama anggota kesihatan Aktiviti 2: Mix and match Aktiviti 3: Euww... apa tu? Aktiviti 4 : Rangkaian beracun	1 2 3 4 5 1 2 3 4 5 1 2 3 4 5 1 2 3 4	
2	<b>SKOP 2: MENDAPATKAN MAKANAN YANG SELAMAT</b> Aktiviti 1: Mak pergi pasar Aktiviti 2: Elok lagi ke tak? Aktiviti 3: Detektif Along	1 2 3 4 5 1 2 3 4 5 1 2 3 4 5	
3	<b>SKOP 3: MENYAMPAIKAN ADUAN SALAHLAKU PENGENDALIAN MAKANAN DAN PREMIS MAKANAN KOTOR</b> Aktiviti 1 : Sesi interaktif bersama Unit <b>duan</b> , Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Aktiviti 2: Penghantaran aduan pengendalian makanan dan premiskotor	1 2 3 4 5 1 2 3 4 5	

4	<b>SKOP 4: MENDAPATKAN RAWATAN AKIBAT KERACUNAN MAKANAN</b> Aktiviti 1: Persembahan <i>power point</i> – Rawatan keracunan makanan Aktiviti 2: <i>Role play</i> - Adik muntah-muntah	 2 3 4 5  2 3 4 5	
---	---	----------------------------	--


### KOMEN DAN CADANGAN KESELURUHAN

Sila berikan pendapat tentang lain-lain perkara yang perlu diambil kira untuk meningkatkan keberkesanan modul ini.

*Secara keseluruhan item yang dibina sesuai dengan konstruk yang ingin diukur. Bagaimana pun ada beberapa item perlu dibaiki dari struktur ayat dan tukar perkataan yang sesuai dan mudah difahami.*

DISEDIAKAN OLEH :


Tandatangan :



**DR. MOHD IZWAN BIN MAHMUD**  
Pensyarah  
Jabatan Pendidikan & Kesejahteraan Komuniti  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Cop rasmi :

## Appendix 11: Open-ended questionnaire (expert opinion).

 Masyita Mamot  
To: Hasniza bt. Hassan <hasniza.h@moh.gov.my>  
Wed 4/8/2020 10:21 AM

Saya Masyita Mamot, pelajar PhD dalam bidang kesihatan komuniti sedang membangunkan Modul Pendidikan Pencegahan Keracunan Makanan : Lihat, Pilih, Maklum. Modul ini dibangunkan bagi tujuan mendidik **pengguna dewasa** dalam memilih premis makan dan makanan yang bersih dan selamat untuk dimakan. Juga, modul ini bertujuan meningkatkan kesedaran pengguna dalam mendapatkan rawatan segera bagi kes keracunan makanan.

Bagi tujuan analisis keperluan, saya ingin meminta jasa baik Tuan/Puan untuk menjawab soalan-soalan di bawah . Tuan boleh memberikan pandangan secara terbuka dan setiap pandangan Tuan/Puan amat penting dalam pembangunan modul. Terima kasih di atas kesudian Tuan dalam meluangkan masa menjawab soalan-soalan yang diberikan.

**SOALAN ANALISIS KEPERLUAN**

1. Apakah cabaran yang Tuan/Puan lihat dalam usaha menangani keracunan makanan?
2. Apakah kekangan di kalangan anggota kesihatan dalam menyampaikan pendidikan keracunan makanan di kalangan pengguna?
3. Adakah terdapatnya modul pencegahan keracunan makanan kepada **pengguna dewasa** yang dikeluarkan oleh BKKM?
  - Jika ada, apakah komponen /elemen penambahbaikan yang boleh kami masukkan ke dalam modul yang akan dibangunkan?
  - Jika tiada, apakah komponen-komponen atau elemen -elemen yang perlu dimasukkan di dalam modul pendidikan pencegahan keracunan makanan? (contoh komponen: penilaian premis makanan melalui pengiktirafan)
4. Menggunakan **skala (1-10)** , nyatakan kepentingan Modul Pencegahan Keracunan Makanan kepada pengguna.

Kerjasama dan maklumat dari pihak Puan amat kami hargai.

Terima kasih,

Activate Windows  
Go to Settings to activate Windows.

**Appendix 12:** Experts' feedback on module validation.

Bil	Penilai	Cadangan	Ulasan/Penambahbaikan
1	Dr. Surianti	<p><b>Unit 1: Pengenalan kepada keracunan makanan</b></p> <p>Aktiviti 1: 'Mix and Match'</p> <p>i. Menambah gejala lebih daripada tujuh</p> <p>Aktiviti 2: Euww.. apa tu?</p> <p>i. Mempelbagaikan model makanan bagi pencemaran kimia dan biologi seperti jeruk, ikan mentah, tin kemek, sayur-sayuran dan lain-lain</p> <p>Aktiviti 3: Rangkaian beracun</p> <p>i. Perincian 'air panas' yang digunakan untuk tujuan basuhan papan pemotong kepada 'air panas yang mendidih</p> <p>ii. Perincian juga 'cecair pembasmi kuman' yang digunakan untuk menyahkuman peralatan dapur.</p> <p>Aktiviti 4: Sesi interaksi santai bersama anggota kesihatan " Keracunan makanan: Perlukah saya kisah?"</p> <p>i. Mencadangkan untuk memasukkan elemen 'Kesan keracunan makanan kepada ahli keluarga'</p> <p>Cadangan untuk masukkan aflatoxin di dalam nota</p>	<p>i. Gejala ditetapkan kepada aambilan, dengan tujuh gejala adalah lebih spesifik kepada keracunan makanan</p> <p>i. Model makanan diperlbagaikan (m.surat: 7)</p> <p>i. Air panas mendidih diperincikan (muka surat 3)</p> <p>ii. Perincian cecair pembasmi kuman di muka surat :3</p> <p>Nota aflatoxin telah dimasukkan (m.surat: 18)</p>
		<p><b>Unit 2: Mendapatkan makanan yang selamat</b></p> <p>Aktiviti 1: Mak pergi pasar</p> <p>i. Masukkan juga cara penyimpanan makanan yang di masak di dalam peti sejuk dan makanan tin atau botol yang telah dibuka.</p> <p><i>Nota kepada fasilitator</i></p>	<p>i. Cara penyimpanan di dalam peti sejuk telah dimasukkan (m.surat:29)</p> <p>i. Modul ini tidak secara spesifik mengajar pengguna menggunakan thermometer dalam pengawalan suhu. Ia lebih kepada pengetahuan</p>

		<p>i. Perlu fikirkan kekangan untuk menyampaikan modul bagi aspek suhu penyimpanan dan penyediaan. Tidak semua responden ada termometer di rumah.</p> <p>ii. Adakah ketuhar gelombang boleh digunakan untuk memanaskan makanan?</p> <p>iii. Kehadiran binatang juga boleh dikesan melalui bau kencing tikus atau bau yg kurang menyenangkan</p> <p><b>Unit 4:Mendapatkan rawatan akibat keracunan makanan</b></p> <p><b>Nota</b></p> <p>i. Bagaimana dgn campuran sedia ada di rumah, seperti air 100plus, air glukos, atau teh pekat?</p> <p><b>Objektif modul</b></p> <p>Objektif modul untuk Unit 3 perlu dimasukkan sebagai objektif kelima modul: v) meningkat pengetahuan pengguna tentang tatacara melaporkan aduan salah laku pengendalian makanan dan premis kotor</p> <p><b>Penambahan aspek</b></p> <p>- mengenalpasti keselamatan makanan yang dibeli secara online seperti e-bazar, food panda dan sebagainya.</p> <p><b>Bahan pengajaran</b></p> <p>- Cadangan penggunaan infografik atau tayangan video</p> <p><b>Penilaian</b></p> <p>- dicadangkan soalan berbentuk MTF atau MCQ</p>	<p>kepada pengguna memahami konsep suhu dan penyimpanan makanan yang selamat</p> <p>ii. Ketuhar gelombang mikro boleh digunakan untuk memanaskan makanan</p> <p>iii. Perincian bau najis haiwan perosak telah dimasukkan (ms: 47)</p> <p>i. Unit 4 memfokuskan untuk pengguna mendapatkan rawatan daripada staf kesihatan, bukan <i>self-treatment</i></p> <p>i. Telah ditambah objektif Unit 3ke dalam Objektif modul (m.surat iv)</p> <p>i. Penekanan diberikan kepada pengecaman makanan rosak bagi makanan yang dibeli luar (samada online atau dari premis makan)</p> <p>i. Soalan diberikan dalam bentuk <i>Short answer question</i> bagi membolehkan peserta menulis dengan bebas pemahaman mereka terhadap sesuatu topik</p>
--	--	---	---

2	Dr. Hana	<p>Aktiviti 1: Mix and Match</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Rujuk gejala di website MOH</li> <li>ii. Dehidrasi adalah gejala yang dikenalpasti oleh doktor</li> <li>iii. Najis berdarah bukanlah gejala utama, hanya kes-kes tertentu sahaja</li> <li>iv. Kekeringan pada mulut juga bukan simptom utama keracunan makanan</li> <li>v. Komplikasi bergantung kepada tahap keseriusan keracunan dan jenis kuman</li> </ol> <p><b>Unit 4: Mendapatkan rawatan</b></p> <p>Perlu menekankan ubat tahan muntah dan lomotil hanya boleh diambil setelah mendapat preskripsi daripada doktor sahaja ms 84</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Gejala-gejala yang disenaraikan telah diperbaiki mengikut gejala utama keracunan makanan</li> <li>i. Jenis preskripsi tidak dimasukkan kerana dikhuatiri menyebabkan salah faham kepada peserta mengenai rawatan sendiri penyakit ini tanpa perlu mendapatkan rawatan doktor</li> </ol>
3	Pn Hasniza	<p><b>Unit 1: Pengenalan kepada keracunan makanan</b></p> <p>Seelok-eloknya masukkan berapa jumlah ahli minimum dan maksimum bagi setiap aktiviti</p> <p>Aktiviti 1: Mix and Match</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Masa 20 minit terlalu lama untuk aktiviti padan dan suai gejala sahaja. Mungkin boleh tambah kad 'komplikasi keracunan makanan' bagi memenuhi 20 minit aktiviti</li> <li>ii. Cadangan : Boleh jadikan aktiviti ini seperti sukaneka , contoh menggunakan bola bagi mewakili sesuatu gejala dan baling ke dalam bakul yang mewakili gejala yang betul atau salah</li> </ol> <p>Aktiviti 2: Euww... apa tu?</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Minimum peserta bagi setiap kumpulan adalah 5 orang, maksimum 10 orang bagi setiap aktiviti berkumpul telah dinyatakan.</li> <li>ii. Pre-test akan dilakukan bagi Aktiviti 1 bagi penetapan masa</li> <li>i. Model makanan seperti saranan Dr. Surianti akan digunakan</li> </ol>

		<p>i. Pencemaran biologi :Boleh gunakan satu contoh makanan yang masih elok dan satu lagi yang sudah rosak</p> <p>Aktiviti 4: Sesi interaksi bersama anggota kesihatan</p> <p>i. Artikel suratkhbar perlu ada komponen sumber pencemaran, gejala, pencemaran silang jika ada – untuk selarikan isi kandungan Aktiviti 1- Aktiviti 3</p> <p><b>Cadangan lain:</b></p> <p>Cadangan pelaksanaan unit 1: Boleh dilakukan secara interaktif seperti ‘Amazing race’. Contoh, menggunakan Stesyen 1-4 (mewakili aktiviti 1-4 ), kumpulan akan memilih stesyen mana untuk mula dahulu</p> <p><b>Unit 4: Mendapatkan rawatan perubatan</b></p> <p>i. Pengenalpastian rawatan perubatan keracunan makanan: Kalau boleh elakkan sebab risau orang ramai membuat rawatan sendiri tanpa mendapatkan rawatan di klinik</p> <p><b>Kaedah penyampaian</b></p> <p>i. Boleh masukkan infografik BKKM ke dalam aplikasi</p> <p>ii. Aktiviti berkumpulan – pastikan ada penjarakan sosial</p> <p><b>Penilaian</b></p> <p>i. Penilaian boleh gunakan google form</p> <p>ii. Cadangan: Penilaian melalui pop kuiz</p>	<p>i. Artikel suratkhbar telah diperbaiki. Artikel dipilih berdasarkan kepada komponen-komponen yang dicadangkan.</p> <p>i. Nota bagi unit ini digantikan dengan carta alira rawatan bagi keracunan makanan</p>
4	Dr. Shahlan	<p>Objektif modul</p> <p>i. Objektif modul perlu boleh diukur</p> <p>ii. Perlu ada ciri-ciri SMART (<i>Specific, measureable, attainable, realistic, time frame</i>)</p> <p><b>Unit1: Pengenalan kepada keracunan makanan</b></p>	<p>i. Objektif modul telah diolah, mengandungi ciri-ciri SMART seperti yang dinyatakan (m/surat : vi-viii)</p>

		<p>Aktiviti 2: Euwww.. apa tu?</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Selaraskan terma ‘sumber pencemaran’ atau ‘jenis pencemaran’</li> </ol> <p>Aktiviti 4: Sesi interaksi bersama anggota kesihatan</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Dicapangkan intipati dariapda keratan akhbar digunakan di dalam sesi soal jawab</li> <li>ii. Penilaian: Menyemak semula soalan. Pengolahan pernyataan soalan agak bias kerana pilihan jawapan hanya dua sahaja (Betul atau Salah)</li> </ol> <p><b>Unit 2: Mendapatkan makanan yang selamat</b></p> <p>Aktiviti 1: Mak pergi pasar</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Langkah (6): Huraian pengendalian makanan melibatkan kawalan suhu dan masa perlu diuji kefahaman peserta</li> </ol> <p><b>Unit 3: Menyampaikan aduan salah laku pengendalian makanan dan premis kotor</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Dicapangkan untuk membimbing peserta untuk menulis aduan dengan betul</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Terma diselaraskan kepada ‘Jenis pencemaran’.</li> <li>i. Intipati daripada keratan akhbar boleh digunakan sebagai <i>trigger</i> bagi sesi soal jawab (m.surat 8)</li> <li>ii. Soalan diolah menurut <i>open-ended</i> (m.surat 14)</li> <li>i. Kefahaman tentang kawalan suhu dan masa dalam pengendalian makanan diuji bersama-sama Aktiviti 3 (<i>embedded in</i>)</li> <li>i. Penambahbaikan terhadap kemahiran menulis aduan telah dimasukkan (m.surat 54)</li> </ol>
5	En. Abu Bakar	<p><b>Unit 1: Pengenalan kepada keracunan makanan</b></p> <p>Aktiviti 1: Mix and match</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Dicapangkan gejala-gejala diberikan mengikut tahap keseriusan (eg: <i>mild and severe symptoms</i>)</li> <li>ii. Dicapangkan gejala-gejala yang dipamerkan di dalam kad ditukar kepada ilustrasi/gambar.</li> </ol> <p>Aktiviti 3: Rantaian beracun</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Seperti yang dicadangkan oleh Dr Hana, gejala bagi keracunan makanan perlulah lebih spesifik dan perlu lebih <i>layman</i>.</li> <li>i. Gejala-gejala yang dipamerkan adalah dalam Bahasa yang mudah difahami masyarakat umum.</li> </ol>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menggunakan dada ayam sebagai bahan dalam aktiviti. Adakah timbul isu pembaziran?</li> <li>ii. Dicapangkan untuk menanyakan pendapat fasilitator terhadap penggunaan makanan sebenar, cuba lakukan <i>pre-test</i> dan lihat keefisienanya</li> </ul> <p>Kandungan Unit 1:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Letakkan arahan : “Nota tambahan kepada fasilitator” bagi kandungan di setiap unit</li> <li>ii. Memastikan sumber penggunaan gambar</li> </ul> <p><b>Unit 2: Mendapatkan makanan yang selamat</b></p> <p><b>Aktiviti 1: Makanan berisiko tinggi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Makanan di dalam tin dikaburkan jenamanya</li> </ul> <p><b>Aktiviti 3: Detektif Along</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memastikan panduan atau persiapan yang perlu dibuat sebelum ke lapangan</li> </ul> <p><b>Unit 4: Mendapatkan rawatan akibat keracunan makanan</b></p> <p><b>Aktiviti 1: Sesi bersama pakar</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perlu nyatakan prosedur mendapatkan rawatan secara terperinci di dalam <i>Nota untuk fasilitator</i></li> <li>ii. Elakkan daripada menggunakan gambar ubatan, takut berlaku salah faham kepada pengguna untuk tidak mendapatkan rawatan dari doktor</li> </ul> <p><b>Kaedah penyampaian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Boleh gunakan tayangan video sebagai alat bantuan mengajar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penggunaan objek sebenar memberi kesan mendalam terhadap pembelajaran</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Arahan telah diletakkan bagi kandungan setiap unit</li> <li>ii. Penggunaan gambar dari <i>Google</i> telah dimasukkan sumbernya</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Gambar makanan di dalam tin telah diambil tanpa jenama</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Langkah-langkah persiapan ke lapangan telah diperincikan (m/surat: 38)</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Carta alir pengurusan rawatan diareha akibat keracunan makanan dimasukkan bagi menggantikan senarai rawatan ubatan (m.surat: 79 )</li> </ul>
--	--	---	--



**Appendix 13:** Permission letter to conduct food poisoning prevention education.

Rujukan kami : USIM/FPSK/Intervensi/2020/4172641- 001  
Tarikh : 17 Ogos 2020

Dr. Normadiyah Bt. Jabar,  
Pegawai Kesihatan Daerah  
Pejabat Kesihatan Daerah Tampin,  
73000, Tampin,  
Negeri Sembilan.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Y. Bhg. Dr.,

**PERMOHONAN KEBENARAN MELANTIK KAKITANGAN KESIHATAN SEBAGAI FASILITATOR BAGI PELAKSANAAN MODUL PENDIDIKAN PENCEGAHAN KERACUNAN MAKANAN: LIHAT, PILIH, MAKLUM**

Perkara di atas adalah di rujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pelajar terbabit, PUAN MASYITA MAMOT (No. ID pelajar: 4172614) akan menjalankan kajian intervensi berbantuan **Modul Pendidikan Pencegahan Keracunan Makanan : Lihat, Pilih, Maklum** yang telah dibangunkan. Kajian intervensi ini akan dijalankan ke atas 30 orang responden yang terdiri daripada ahli jawatankuasa penduduk atau ahli KOSPEN. Matlamat utama kajian intervensi ini adalah untuk menentukan keberkesanan modul dalam meningkatkan pengetahuan, sikap serta persepsi responden terhadap keracunan makanan.

3. Sehubungan itu, pihak kami ingin memohon kebenaran dan kerjasama daripada pihak Y. Bhg. Dr. bagi melantik **TIGA (3)** orang Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran sebagai fasilitator yang akan melaksanakan aktiviti di dalam modul. Modul ini akan dilaksanakan selama 14 jam dan pertemuan akan dilakukan sebanyak empat (4) sesi. Untuk makluman pihak Y. Bhg. Dr., pelajar terbabit telahpun mengadakan perbincangan awal bersama Encik Fauzi bagi tujuan pelantikan dan pelaksanaan modul ini. Fasilitator yang terpilih akan menjalani latihan penggunaan modul serta diberikan saguhati menggunakan geran UPM/ 800-4/11/MRUN/2018/5539240.

Bersama-sama ini kami lampirkan ringkasan kandungan modul pendidikan pencegahan makanan ini. Kerjasama dari pihak Y. Bhg. Dr. kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,

**PROFESOR MADYA DR. NURUL AZMAWATI MOHAMED**

Profesor Madya Perubatan & Pakar Mikrobiologi/ Pengerusi Jawatankuasa Penyelia,  
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan,  
Universiti Sains Islam Malaysia.



**Appendix 14:** Example of facilitator appointment letter

Rujukan kami : USIM/FPSK/Lantikan fasilitator/2020/4172641-001  
Tarikh : 9 September 2020

Tuan Ahmad Zulhilmi Bin Zulkifli,  
(No Kad Pengenalan: [REDACTED])  
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran,  
Pejabat Kesihatan Daerah Tampin,  
73000, Tampin,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Y. Bhg. Tuan,

**PELANTIKAN SEBAGAI FASILITATOR BAGI PELAKSANAAN MODUL PENCEGAHAN KERACUNAN MAKANAN: LIHAT, PILIH, MAKLUM**

Dengan hormatnya ingin saya merujuk perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa Puan Masyita Binti Mamot adalah pelajar Ph.D. di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau telah berjaya menyiapkan pembinaan **Modul Pencegahan Keracunan Makanan : Lihat, Pilih, Maklum** dan sekarang di dalam proses untuk melaksanakan modul berkenaan ke atas responden yang telah dikenal pasti bagi menentukan keberkesanannya.

Sehubungan itu pihak kami dengan suka cita dan rendah hati melantik Y. Bhg. Tuan sebagai fasilitator bagi melaksanakan aktiviti modul yang dibangunkan. Untuk pengetahuan Y.Bhg. Tuan, modul ini akan dilaksanakan selama 14 jam dan pertemuan akan dilakukan sebanyak empat (4) sesi. Y.Bhg. Tuan akan menjalani latihan penggunaan modul serta akan diberikan bayaran saguhati seperti yang digariskan di dalam IPP WP 1.8/2013. kami penuh berkeyakinan bahawa Y. Bhg. Tuan adalah calon yang paling layak dan sesuai melaksanakan modul tersebut.

Sekian dan atas kerjasama yang akan pihak Y. Bhg. Tuan berikan saya dahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**PROFESOR MADYA DR. NURUL AZMAWATI MOHAMED**

Profesor Madya Perubatan & Pakar Mikrobiologi/ Pengerusi Jawatankuasa Penyelia,  
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan,

Appendix 15: 'See, Select, Tell' food poisoning prevention module.



MODUL PENDIDIKAN  
PENCEGAHAN  
KERACUNAN MAKANAN

# LIHAT, PILIH, MAKLUM

**MASYITA MAMOT**  
**PROF MADYA DR NURUL AZMAWATI MOHAMED**  
**PROF MADYA DR DZULKHAIRI MOHD RANI**  
**PROF RUKMAN AWANG HAMAT**  
**DR SHALINAWATI RAMLI**

## **PRAKATA**

Keracunan makanan merupakan penyakit- berjangkit yang masih signifikan sehingga kini. Walaupun peningkatan kes keracunan makanan di Malaysia tidaklah setinggi penyakit berjangkit yang lain, tren ketidaklaporan kes ini ke peringkat pihak berwajib dijangkakan meningkat akibat daripada sikap pengguna yang kurang cakna akan kepentingan mendapatkan rawatan keracunan makanan serta melaporkan salah laku pengendalian makanan dan premis makan kotor.


*Modul Pendidikan Pencegahan Keracunan Makanan: Lihat, Pilih, Maklum* ini dibangunkan bagi memperkasa komuniti melalui peningkatan pengetahuan, perubahan sikap serta persepsi terhadap keracunan makanan dan pencegahannya. Ini dapat dicapai melalui beberapa strategi yang dirangka iaitu komunikasi, latihan serta sokongan sosial mahupun organisasi. Ia mengandungi empat unit yang merangkumi pengenalan kepada keracunan makanan, mendapatkan makanan yang selamat, menyampaikan aduan salahlaku pengendalian makanan serta premis kotor dan mendapatkan rawatan akibat keracunan makanan.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada kumpulan penyelidik Projek 1 MRUN yang terdiri daripada penyelidik dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) serta Universiti Putra Malaysia (UPM) kerana telah menghasilkan bahan-bahan pengajaran yang terkandung di dalam modul ini yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan kepada anggota kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) , Pihak Berkuasa Tempatan, Pegawai Pendidikan Kesihatan, serta jururawat kesihatan. Di samping itu, ia boleh juga digunakan di peringkat masyarakat itu sendiri seperti ahli Komuniti Sihat Perkasa (KOSPEN), ahli Rukun Tetangga mahupun ahli jawatankuasa komuniti yang berkaitan aktiviti promosi kesihatan seperti COMBI atau Fasilitator Doktor Muda. Saya percaya modul ini mampu menyokong usaha melatih masyarakat dan kumpulan berkepentingan dalam melaksanakan aktiviti penyampaian maklumat serta pencegahan keracunan makanan melalui strategi yang telah dinyatakan.

Akhir sekali, rakaman penghargaan buat Pusat Pengurusan Penyelidikan UPM di atas peruntukan bagi menjalankan penyelidikan bertajuk ‘Strategic integrated measure on advocating IDEAS2: a comprehensive fundamental, technical and public health approaches’ di bawah geran Penyelidikan Bersama MRUN (UPM/800-4/11/MRUN/20185539240).

Selamat Maju Jaya,

Professor Dr. Muhammad Shamsir Bin Mohd Aris,  
Dekan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan  
Universiti Sains Islam Malaysia.



## SINOPSIS MODUL PENDIDIKAN PENCEGAHAN MAKANAN ‘ LIHAT, PILIH, MAKLUM’

### 1.0 Matlamat pembangunan modul

Modul ini adalah modul pendidikan yang dibina bagi meningkatkan tahap pengetahuan, kemahiran atau kecekapan di dalam sesebuah komuniti atau organisasi (Sidek & Jamaluddin, 2005). **Modul Pendidikan Pencegahan Keracunan Makanan: ‘Lihat, Pilih Maklum’** ini dibangunkan dengan matlamat meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran pengguna dalam pencegahan keracunan makanan. Selain itu, modul pendidikan ini boleh digunakan sebagai platform mendidik pengguna membuat pilihan makanan bersih dan selamat serta meningkatkan kebolehan pengguna dalam melaporkan sebarang aktiviti penyediaan makanan yang tidak bersih atau premis makan yang kotor.

Tumpuan modul pendidikan ini diberikan untuk pengguna menguasai pengetahuan asas keracunan makanan di samping melatih pengguna mengenalpasti risiko-risiko persekitaran yang menyumbang kepada keracunan makanan. Penekanan pengetahuan diikuti dengan latihan kemahiran ini dapat membantu pengguna untuk lebih yakin dalam membuat keputusan memilih dan membeli makanan yang bersih serta selamat untuk dimakan.

### 1.1 Matlamat pembangunan modul

Modul ini dibangunkan bagi mendidik dan memperkasakan anggota masyarakat dalam usaha pencegahan keracunan makanan.

## 1.2 Objektif modul

Objektif modul adalah untuk memperkasa masyarakat dengan meningkatkan pengetahuan, dan amalan dalam pencegahan serta pengawalan keracunan makanan.

### Objektif khusus modul

Di akhir sesi pendidikan modul ini, pengguna berkebolehan untuk:

- i. mengenalpasti gejala-gejala keracunan makanan, komplikasi serta kesannya terhadap individu, keluarga dan negara
- ii. menghuraikan jenis pencemaran makanan serta pencemaran silang yang menyebabkan keracunan makanan
- iii. mengenalpasti makanan rosak dengan melakukan kaedah pengecaman yang betul
- iv. mengenalpasti ciri-ciri premis makanan yang bersih
- v. menunjukkan tatacara melaporkan aduan salah laku pengendalian makanan dan premis kotor
- vi. mempamerkan sikap untuk segera mendapatkan rawatan sekiranya mengalami tanda-tanda keracunan makanan.

## 1.3 Kumpulan sasaran

Modul ini dibangunkan dengan menyasarkan anggota masyarakat sebagai penerima pendidikan pencegahan keracunan makanan. Mereka terdiri daripada:

- i. Ahli KOSPEN
- ii. Ahli Kelab Rukun Tetangga
- iii. Ahli Jawatankuasa Komuniti penduduk

## 1.4 Fasilitator

Fasilitator adalah individu yang akan dilatih bagi menyampaikan kandungan modul. Mereka yang dilantik adalah terdiri daripada anggota kesihatan seperti:

- i. Pegawai Pendidikan Kesihatan
- ii. Pegawai atau Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
- iii. Jururawat Kesihatan

### Ciri-ciri fasilitator

- i. Terlibat dalam sebarang aktiviti promosi kesihatan kemasyarakatan.
- ii. Menghadiri latihan yang disediakan mengikut kandungan modul ini.
- iii. Mampu menyampaikan mesej dengan tepat dan ringkas serta menggunakan laras bahasa yang mudah difahami
- iv. Berkebolehan menarik minat anggota komuniti tentang topik yang disampaikan.

## 1.5 Struktur modul

Modul pendidikan ini mengandungi **EMPAT** unit beserta aktiviti-aktiviti yang tertentu. Jadual 1 di bawah meringkaskan kandungan Modul **Pendidikan Pencegahan Makanan: Lihat, Pilih, Maklum.**

**Jadual 1** meringkaskan kandungan yang terdapat di dalam modul ini.

**Jadual 1:** Ringkasan kandungan modul

Unit	Aktiviti	Isi kandungan	Objektif	Kaedah penyampaian	Peruntukan masa(jam)
3) Pengenalan kepada keracunan makanan	'Mix and match'	Gejala dan tanda-tanda keracunan makanan	ii. Menyenaraikan dengan betul gejala keracunan makanan (sekurang-kurangnya 5 daripada 6 gejala dengan betul)	Aktiviti berkumpulan	1
	Euww.. apa tu?	Jenis pencemaran makanan	ii. Mengklasifikasikan jenis pencemaran makanan dengan betul (sekurang-kurangnya 7 daripada 9 makanan dengan betul)	Aktiviti berkumpulan	1
	Rantaian beracun	Pencemaran silang	iii. Memberi definisi pencemaran silang iv. Menghuraikan kejadian pencemaran silang	Demonstrasi dan perbincangan	1
	Sesi interaksi santai bersama anggota kesihatan- Keracunan makanan: perlukah saya kisah?	Memahami keracunan makanan	iv. Menerangkan definisi keracunan makanan dengan betul v. Mengenalpasti empat kumpulan individu yang berisiko tinggi vi. Menyenaraikan kesan keracunan makanan kepada individu dan negara (sekurang-kurangnya dua (2) kesan setiap satu)	Ceramah interaktif	1
4) Mendapatkan makanan yang selamat	Mak pergi pasar	Makanan bersiko tinggi dan bersiko rendah	iii. Mengenalpasti makanan yang berisiko tinggi kepada pencemaran (sekurang-kurangnya 8 daripada 10 makanan dengan betul) iv. Menghuraikan keselamatan makanan menggunakan konsep 'masa' dan 'suhu'	Aktiviti berkumpulan	1

Unit	Aktiviti	Isi kandungan	Objektif	Kaedah penyampaian	Peruntukan masa(jam)
2) Mendapatkan makanan yang selamat	Elok lagi ke tak?	Pengecaman makanan rosak	ii. Melakukan kaedah pengecaman makanan rosak menggunakan pancaindera dengan betul.	Eksperimen sensori dan perbincangan	1
	Detektif Along	Penilaian kebersihan premis makanan	iv. Mengenalpasti sekurang-kurangnya empat (4) kriteria premis makanan yang bersih. v. Menyenaraikan sekurang-kurangnya tiga (3) ciri-ciri kebersihan diri pengendali makanan vi. Mengenalpasti sekurang-kurangnya tiga (3) aktiviti yang boleh mencemarkan makanan.	Lawatan ke premis makan dan penggunaan E-aplikasi	2
4) Menyampaikan aduan salah laku pengendalian makanan dan premis kotor	Sesi interaktif bersama Bahagian /Unit Pengurusan Aduan Jabatan Kesihatan Negeri dan Majlis Perbandaran/Majlis Daerah	Pengenalan berkenaan pengurusan aduan berkaitan salahlaku pengendalian makanan dan premis kotor	iii. Menyenaraikan tiga (3) proses pengurusan aduan yang terlibat di Unit/Bahagian Aduan awam di Majlis Perbandaran/ Majlis Daerah berkenaan premis kotor iv. Menyenaraikan tiga (3) proses pengurusan aduan yang terlibat Unit/Bahagian Aduan awam Pejabat Kesihatan Daerah berkenaan salahlaku pengendalian makanan v. Menyenaraikan empat (4) jenis salah laku berkaitan pengendalian makanan.	Ceramah interaktif bersama pegawai di Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Pejabat Kesihatan Daerah dan Jabatan Kesihatan, Majlis Perbandaran/ Majlis Daerah	1

Unit	Aktiviti	Isi kandungan	Objektif	Kaedah penyampaian	Peruntukan masa(jam)
3) Menyampaikan aduan salah laku pengendalian makanan dan premis kotor	Medium aduan salah laku pengendalian makanan dan premis kotor	Penggunaan medium aduan salah laku pengendalian makanan dan premis kotor	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyenaraikan medium-medium aduan yang sedia ada</li> <li>ii. Menunjukkan sekurang-kurangnya empat (4) langkah dengan betul penghantaran aduan mengguakan medium borang e-aduan di laman sesawang (Majlis Perbandaran atau Aduan SISPA)</li> </ul>	Demonstrasi	1
1) Mendapatkan rawatan akibat keracunan makanan	Bicara pakar- Rawatan keracunan makanan	Rawatan bagi keracunan makanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Menyenaraikan tiga (3) jenis rawatan perubatan yang diberikan bagi kes keracunan makanan</li> <li>iv. Mengenalpasti dua (2) gejala-gejala keracunan makanan serius yang perlu diambil berat</li> </ul>	Ceramah	1
	Memainkan peranan- Adik muntah-muntah	Memahami peranan individu, keluarga dan anggota kesihatan dalam mendapatkan rawatan awal keracunan makanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Memainkan peranan sebagai anggota keluarga dan anggota perubatan dalam membantu pesakit mendapatkan rawatan awal keracunan makanan</li> </ul>	Memainkan peranan	1
<b>JUMLAH PERUNTUKAN MASA</b>					<b>12 jam</b>

Setiap unit di dalam di dalam skop ini akan disampaikan mengikut pendekatan pengajaran yang berbeza. Beberapa strategi perlaksanaan dirancang bagi memastikan keberkesanan penyampaian kandungan modul. Ini termasuklah:

- a) Komunikasi: strategi komunikasi digunakan agar pengguna dapat mempertingkatkan pengetahuan, membentuk sikap dan nilai melalui pelbagai pendekatan (individu atau berkumpulan) dan kaedah (sesi interaktif, audio visual, aktiviti kumpulan).
- b) Latihan: strategi ini dilaksanakan bagi membolehkan pengguna memperoleh kemahiran melalui kaedah yang lebih fleksibel seperti demonstrasi dan permainan

Organisasi dan sokongan sosial: strategi ini melibatkan penyertaan masyarakat dalam programme pencegahan keracunan makanan melalui modul yang dibangunkan

### **1.6 Panduan Penggunaan Modul**

- i. Baca dengan teliti setiap unit dalam skop pembelajaran.
- ii. Tumpukan kepada objektif unit pembelajaran dalam setiap skop. Objektif unit pembelajaran adalah hasil yang perlu dicapai pada akhir pembelajaran
- iii. Lakukan persiapan awal bagi setiap aktiviti pengajaran
- iv. Pilih strategi pengajaran yang bersesuaian dengan kebolehan dan kemampuan kumpulan sasaran

Beri penekanan kepada setiap aktiviti dalam meningkatkan pengetahuan, perubahan sikap serta persepsi risiko terhadap pencegahan keracunan makanan.

**Appendix 16:** Feedback form for consumer's satisfaction and efficiency of module (Google form interface)

Section 1 of 12

## BORANG MAKLUMBALAS PROGRAM PENCEGAHAN KERACUNAN MAKANAN (LIHAT, PILIH, MAKLUM)

Borang maklumbalas ini mengukur tahap pemahaman objektif aktiviti pengguna terhadap Program Pendidikan Pencegahan Keracunan Makanan: Lihat, Pilih, Maklum. Berdasarkan penilaian anda terhadap program, sila nyatakan tahap persetujuan bagi setiap pernyataan yang diberi dengan membulatkan jawapan anda di ruang respons.

Sila gunakan skala berikut bagi tujuan penilaian. Bulatkan SATU respons sahaja yang dirasakan terbaik:

1 – Sangat tidak bersetuju, 2 – Tidak bersetuju, 3 – Tidak pasti, 4 – Setuju, 5- Sangat setuju. Sila sertakan juga cadangan penambahbaikan (jika ada).

Section 2 of 12

### NAMA AKTIVITI: MIX AND MATCH

Aktiviti ini menerangkan gejala-gejala keracunan makanan.

1. Sila nyatakan tahap persetujuan anda bagi perkara berikut untuk aktiviti 'MIX AND MATCH'. \*

1- SANGAT TAK... 2- TIDAK BERS... 3- TIDAK PASTI 4- BERSETUJU 5- SANGAT BER...

Saya berjaya m...

2. Nyatakan sebarang penambahbaikan untuk aktiviti ini (Jika ada).

Short-answer text

Section 3 of 12

### NAMA AKTIVITI: EUWW.. APA TU?

Aktiviti ini menerangkan jenis-jenis pencemaran makanan.

1. Sila nyatakan tahap persetujuan anda bagi perkara berikut untuk aktiviti EUWWW APA TU?.

1- SANGAT TAK... 2- TIDAK BERS... 3- TIDAK PASTI 4- BERSETUJU 5- SANGAT BER...

1. Saya berjaya ...

2. Nyatakan sebarang penambahbaikan untuk aktiviti ini (Jika ada).

Short-answer text



**Appendix 17:** Invitation letter to KTMB Gemas residents to participate in  
'Programme Pencegahan Keracunan Makanan 'Lihat, Pilih, Maklum'.

Rujukan kami : USIM/FPSK/Intervensi/2020/4172641- 003

Tarikh : 30 September 2020

Encik Johani Bin Jemain  
Pengerusi KRT KTMB Gemas,  
73400, Gemas,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Y. Bhg. Tuan,

**PERMOHONAN KEBENARAN MENJALANKAN PROGRAMME PENDIDIKAN  
PENCEGAHAN KERACUNAN MAKANAN: LIHAT, PILIH, MAKLUM**

Perkara di atas adalah di rujuk.

2. Dimaklumkan bahawa lokaliti KTMB Gemas telah terpilih bagi menjalani programme pendidikan pencegahan keracunan makanan berbantuan modul : Lihat, Pilih, Maklum. Tujuan programme pendidikan ini dijalankan adalah bagi melihat keberkesanan modul yang dibangunkan dalam meningkatkan tahap pengetahuan, sikap serta persepsi penduduk terhadap pencegahan keracunan makanan. Programme pendidikan ini akan disampaikan oleh pegawai kesihatan persekitaran yang dilantik dari Pejabat Kesihatan Daerah Tampin.

3. Untuk tujuan ini, pihak kami akan menyaring penduduk di sekitar serta akan memilih 30 orang bagi mengikuti programme ini. Programme pendidikan ini akan dijalankan selama 14 jam dan penduduk yang terpilih adalah diharapkan dapat melengkapkan kesemua aktiviti yang disediakan.

3. Sehubungan itu, pihak kami ingin memohon kebenaran dan kerjasama daripada pihak Y. Bhg. Tuan. bagi menjalankan aktiviti saringan dan pelaksanaan programme Pendidikan ini. Penduduk yang terpilih untuk mengikuti programme Pendidikan ini akan diberikan saguhati di atas kesungguhan serta masa yang diberikan.

Kerjasama dari pihak Y. Bhg. Tuan. kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,